

# Dari Sebulan Ke Sebulan

## Menyambut Hari Kebangsaan Singapura

Pada 3 Jun ini Singapura akan merayakan Hari Kebangsaan ulang tahun yang kedua dengan sambutan yang lebih meriah dari tahun lalu.

Rakyat Singapura dari berbagai-bagai bangsa akan menyambut hari itu dan gembira sebagai anggota masyarakat yang hidup aman damai dan bersefahaman antara satu dengan yang lain.

Perayaan itu akan bertambah meriah apabila 1,000 orang ahli UMNO Singapura mengambil bahagian dalam barisan di padang dan seramai itu pula dari anggota-anggota kerabat lembaga tetap Kongres.

Majulah Singapura, aman damai dan makmur.

## Rang Undang-undang Pentadbiran Hukum Islam

Akhirnya, Rang Undang-undang Pentadbiran Hukum Islam telah ditahan untuk ditapis dan dihalusi sebagaimana yang dituntut oleh umat Islam Singapura.

Jawatankuasa pemilihan yang mengelolakan Rang Undang-undang itu telah dibubarkan dan Rang Undang-undang itu tak dapat dibawa ke Persidangan Dewan Undangan kerana masa telah suntuk – demikian menurut laporan jawatankuasa pemilihan yang baharu disiarkan untuk

pengetahuan ramai.

Menurut beritanya, orang ramai yang ingin memberikan fikirannya tentang Rang Undang-undang tersebut hendaklah dihantarkan kepada Menteri Buruh dan Undang-undang, Singapura.

## Qadiyani Minta Diharamkan

Bagi mencegah bahaya gerakan Qadiyani yang sedang meracuni masyarakat Singapura dengan fahaman yang sesat dan bertentangan dengan hakikat Islam, PAS Singapura, baharu-baharu ini, telah meminta kerajaan Singapura supaya mengharamkan gerakan Qadiyani yang berbahaya itu.

Menurut beritanya, PAS, dalam suratnya yang dihantarkan kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri meminta kerajaan jangan meluluskan pendaftaran pertubuhan Qadiyani.

Seyogia disebut, sebelum itu PAS telah membantah tentang Pertubuhan Qadiyani itu memakai nama “Pergerakan Ahmadiyah Dalam Islam” kerana PAS memandang (sebagaimana pandangan umat Islam seluruhnya) bahawa kaum Qadiyani tidak berhak menamakan pertubuhan mereka dengan nama Islam kerana mereka (kaum Qadiyani) ialah kaum yang murtad dan terkeluar dari agama Islam.

Bantahan PAS yang pertama itu telah berhasil dan sekarang kaum Qadiyani menurut tipu muslihat mereka cuba pula menukar nama pergerakan mereka dengan nama

“Pergerakan Jemaah Ahmadiyah di Malaya”.

### Orang Cina Ditegur

Sebaik-baik sahaja niat busuk kaum Qadiyani ini diketahui oleh PAS cabang Singapura maka PAS pun bersegera memohon kepada kerajaan Singapura supaya mengharamkan pergerakan Qadiyani itu yang terkenal bukan sahaja sebagai satu pergerakan menyebarkan fahaman murtad tetapi juga menjadi tali barut penjajah menurut keterangan buku-buku Qadiyani sendiri!

Masyarakat Islam Singapura masih belum lupa bagaimana gerakan kaum Qadiyani ini telah ditelanjangkan habis-habisan oleh empat badan Islam yang terkenal di Singapura iaitu Majlis Penasihat Islam, Persatuan Guru-Guru Agama, Persekutuan Seruan Islam dan Muhammadiyyah. Dalam perjumpaan raksasa yang dihadiri oleh kira-kira dua puluh ribu umat Islam Singapura, kaum Qadiyani, tali barut penjajah itu telah dihukumkan kafir murtad iaitu tepat seperti hukum yang telah dijatuhkan atas mereka oleh umat Islam seluruh dunia.

Khabarnya, Majlis Islam Penasihat Kerajaan Singapura telah memutuskan dalam salah satu persidangannya bahawa kaum Qadiyani tidak dibenarkan di tanam di perkuburan Islam dan telah pun keputusan itu kepada pemerintah.

Semuanya ini menjadi sebab-sebab yang *ma'qūl* yang menjadikan pergerakan kaum Qadiyani tu patut diharamkan di negeri ini untuk kebaikan rakyat Islam Singapura dan bersesuaian pula dengan dasar pemerintah yang terkenal bersikap anti penjajah!

### Awas Bahaya Komunis!

Orang-orang Cina penduduk negeri ini telah diberi ingat oleh Tengku Abdul Rahman akan bahaya komunis kiranya ada di antara mereka yang ingin menegakkan pemerintahan komunis di sini.

Tengku memberi ingat supaya mereka melupakan negeri Cina dan membuktikan bahawa mereka sebenar-benarnya rakyat Malaya dan sedia berbuat segala yang baik untuk negeri ini yang menjadi tanah air kita bersama.

Teguran yang berterus terang ini telah dizahirkan oleh Tengku di Singapura dalam lawatannya baharu-baharu ini.

Tengku telah menyelar akan orang-orang Cina yang memperjuangkan bahasa Cina kerana berkehendakkan sokongan sebahagian rakyat yang tertentu, sedang perbuatan mereka yang sedemikian itu adalah merosakkan apa yang sedang dibina untuk faedah rakyat seluruhnya.

Orang-orang Cina di negeri ini, kata Tengku, patut bersyukur kerana berpeluang dan bebas mempunyaikekayaan bahkan sebahagian besar ekonomi negara ini berada di tangan mereka, demikian juga mereka berhak dalam politik.

Orang-orang Melayu akan berasa bimbang memandang telatah mereka sebagai orang-orang Cina dan bukan sebagai orang-orang *Malayan* – kata Tengku lagi.

### Membaiki Ekonomi Bakal-bakal Haji

Dalam saat menyambut Hari Raya Haji yang berbahagia, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan

Agong telah mengisytiharkan bahawa kerajaan Persekutuan

ikatan negara-negara Asia Tenggara yang meliputi Persekutuan

Tanah Melayu telah melantik sebuah jawatankuasa membaiki

Tanah Melayu, Singapura, Brunei, Sarawak dan Kalimantan

ekonomi bakal-bakal haji di Persekutuan Tanah Melayu,

Utara telah disambut dan diterima pada dasarnya oleh

dengan dipengerusikan oleh Menteri Muda Pembangunan Luar

ahli-ahli siyasah di seluruh Persekutuan Tanah Melayu,

Bandar.

demikian menurut beritanya.

Pengisytiharan Baginda sudah tentu telah disambut

Cita-cita Tengku yang tersebut telah diumumkannya

dengan baik oleh segala lapisan rakyat Islam, yang

di Singapura, dalam majlis jamuan Persekutuan Wartawan

sedang menunggu dan berharap mogamoga akan segera

Luar Negeri Asia Tenggara, baharu-baharu ini.

terlaksana.

Menurut Tengku, bahawa Persekutuan Tanah Melayu

tidak boleh berdiri sendiri dalam kedudukan yang

terpencil dan kerana itu Tengku mengemukakan rancangannya

### **Ikatan Melayu Raya**

itu untuk merapatkan perhubungan kelima-lima daerah itu

Rancangan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu,

dalam lapangan politik dan ekonomi, dengan sokongan

Tengku Abdul Rahman Putra al-Haj hendak membentuk satu

dan bantuan Britain.

### **Siri Sejarah Hidup Nabi Muhammad**

*ṣallā Allāh ‘alayhi wa sallam*

**disusun oleh**

**Edrus**

**Buku ini disusun dipersesuaikan dengan sukanan pelajaran**



**Sejarah Islam untuk pelajaran di sekolah kebangsaan**

**di Persekutuan Tanah Melayu. Berpenggal-penggal: 1. Hashim bin Abdul Manaf, 2. Abdul Muṭṭalib, Nenda Nabi, 3. Abdullah**

**dan Aminah - Ayah Bonda Nabi, 4. Hari Peranakan, 5. Halimah as-Sa‘adiah, 6. Yatim Piatu, 7.**

**Berkahwin dengan Siti Khadijah, 8. Menerima Wahyu.**

**Buku ini mengandungi 24 buah. Sambungannya akan segera diterbitkan oleh Qalam Singapura. Harganya 30**

**sen senaskah. Belanja mengirim 10 sen.**